

## KANUN TANAH NEGARA

**PERISYIHARAN JUALAN  
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965  
RUJUKAN FAIL: PTPK/12/A/PPJ/2021/10 (LELONGAN PERTAMA)**

Di antara

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
Pemegang Gadaian**

Dan

**MD. RADZI B. ABDULLAH  
Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kinta yang diperbuat pada 15 September 2022 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kinta

**AKAN MENJUAL SECARA**

# **LELONGAN AWAM**

**PADA HARI KHAMIS BERTARikh 30/03/2023 JAM 10:30 PAGI  
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH**

**NOTA:** Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/> .

### **BUTIR-BUTIR HARTANAH**

|                           |  |
|---------------------------|--|
| Jenis dan Nombor Hakmilik | PM 00032576  |
| No. Lot/PT                | Lot 199405   |
| Bandar/Pekan/Mukim        | Mukim Hulu Kinta   |
| Keluasan Tanah            | 504 Meter Persegi  |
| Tempoh Pegangan           | 99   |
| Cukai Tanah               | RM111  |
| Kategori                  | Bangunan   |
| Syarat Nyata              | Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman   |
| Sekatan Kepentingan       | Tanah ini tidak boleh dipindah milik,<br>dipajak, digadai atau dibebankan tanpa<br>kebenaran Menteri Besar Perak.                        |
| Kawasan Rizab             | Tidak  |
| Nama Penggadai            | MD. RADZI B. ABDULLAH  |
| Bebanan                   | Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN<br>PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No.<br>Perserahan 12SC58/1991.<br>Didafarkan pada 16 Januari 1991 |

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO. 284, JALAN KLEBANG SELATAN 2/12, RPT KLEBANG SELATAN, 31200 CHEMOR, PERAK

HARGA RIZAB: RM 350,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 35,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
  - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucutahak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
  - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **28 Julai 2023** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 09 Januari, 2023

Pentadbir Tanah  
Daerah Kinta  
Negeri Perak Darul Ridzuan